

18 NOV 2000

LID-WAWASAN

LID: KONSEP PERKONGSIAN BESTARI RANGSANG NEGARA LAIN CONTOHI WAWASAN
2020

Oleh: Arul Rajoo

LANGKAWI, 18 Nov (Bernama) -- Konsep Perkongsian Bestari yang menjadi teras dalam Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) bukan sahaja menggalakkan hubungan antara kerajaan dan sektor swasta tetapi juga merangsang negara-negara lain untuk mencontohi Wawasan 2020 Malaysia.

Menerusi LID, yang memasuki edisi kelimanya tahun ini dan dialog sekutunya, Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID), Wawasan 2020 Malaysia telah menjadi contoh ikutan kepada negara-negara lain terutama negara Afrika yang menjadi anggota kepada kedua-dua dialog itu.

Wawasan itu, yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dilancarkan pada Februari, 1991, dengan sasaran utama menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Commonwealth Partnership for Technology Management (CPTM), dalam laporannya yang dikeluarkan di sini menjelang LID 2000 esok berkata, Mauritius, Mozambique, Ghana, Botswana, Swaziland dan Malawi telah merangka wawasan jangka panjang mereka sendiri.

Mauritius, Mozambique, Ghana dan Malawi mempunyai Wawasan 2020 manakala Botswana dan Swaziland masing-masing dengan Wawasan 2016 dan Wawasan 2022, semuanya direalisasikan menerusi konsep Perkongsian Bestari.

CPTM dan Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) adalah penganjur bersama LID 2000.

Wawasan jangka panjang Mauritius dirangka dalam konteks menyediakan negara dengan jentera bagi menangani cabaran yang dijangka timbul daripada globalisasi dan liberalisasi perdagangan antarabangsa dengan pelaksanaan Perjanjian Am bagi Perdagangan dan Tarif (GATT)/pusingan rundingan Uruguay.

Pada 1993, satu kontrak dimeterai dengan kumpulan sebelum CPTM mengambil alih, iaitu Commonwealth Consultative Group on Technology Management, untuk meneruskan bantuan teknikal bagi membantu Mauritius dalam pembangunan wawasan dan menyediakan penyeliaan sepenuhnya.

Pusat Kegiatan Perkongsian Bestari Botswana dibentuk selepas dialog SAID pada 1997 dan aktivitinya akan disepadukan menerusi pelaksanaan Wawasan 2016.

Ghana tidak mempunyai Pusat Kegiatan Perkongsian Bestari tetapi memajukan wawasan di mana matlamat utamanya adalah untuk mengubah negara menjadi negara pendapatan pertengahan menjelang tahun 2020. Wawasan itu mengiktiraf peranan penting yang perlu dimainkan oleh sektor swasta dalam merealisasikan matlamat tersebut.

CPTM menyatakan Malawi mempunyai Wawasan 2020 yang dirangka selepas perundingan berterusan dengan pemegang pegangan di negara itu dan proses tersebut mencontohi model pengalaman Malaysia.

Swaziland melancarkan strategi pembangunan negaranya Wawasan 2022 tahun lalu selepas penyertaan Raja dan Perdana Menteri dalam semua dialog perkongsian bestari sejak 1997. -- BERNAMA

AR FR ZK